



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

HARIAN METRO 23/6/2016 p. 35

Al-Quran mukjizat Nabi paling besar

Al-Quran adalah kitab wahyu diturunkan oleh Allah kepada Rasul-Nya yang mulia Nabi Muhammad SAW lebih 14 abad yang lalu. Diturunkan sebagai pedoman dan rujukan kepada setiap manusia dalam melayari bahtera kehidupan di dunia dan mencari bekalan untuk akhirat.

Ia diturunkan dari Luh Mahfuz ke langit di dunia pada malam Lailatulqadar - malam yang lebih baik daripada 1,000 bulan secara berperingkat-peringkat mengambil waktu lebih 20 tahun. Ayatnya terbahagi kepada

dua zaman iaitu Makiyyah dan Madaniyyah sesuai dengan keadaan zaman dan penerimaan sahabat RA. Ia tidak berubah dan tidak dapat ditandingi sehingga ke akhir zaman.

Al-Quran adalah kesinambungan dan pelengkap kepada kitab yang diturunkan kepada nabi terdahulu seperti Zabur (Nabi Daud AS), Taurat (Nabi Musa AS) dan Injil (Nabi Isa AS).

Di dalamnya mengandungi pensyariatan mengenai Islam (akidah, ibadah, akhlak dan peringatan) serta kisah nabi terdahulu untuk

dijadikan panduan dan iktibar buat umat kemudian.

Muslim diwajibkan untuk menjaga kesucian al-Quran daripada dicemari. Mungkin sesetengah daripada kita mengambil mudah dalam menjaga kesucian al-Quran dengan membuang cebisan ayatnya di tempat tidak sepatutnya.

Menjaga kesucian al-Quran ini bukanlah bermaksud kita tidak boleh berkongsi mengenai al-Quran atau al-Quran itu sendiri dengan bukan Muslim.

Malah, kita digalakkan

untuk berkongsi terjemahannya dengan sahabat bukan Muslim dengan niat semoga mereka dapat melihat keajaiban al-Quran dan seterusnya keindahan Islam itu sendiri.

Ramai pengkaji yang memeluk Islam disebabkan terpesona dengan keindahan dan keajaiban al-Quran.

Dr Maurice Bucaille, seorang pakar bedah ternama Perancis memeluk Islam selepas terpesona dengan keajaiban al-Quran, menceritakan mengenai proses pengawetan mayat Firaun yang tidak disebut

dalam kitab lain.

Dalam al-Quran juga mengandungi pelbagai maklumat saintifik yang hanya dapat dibuktikan kesahihannya secara saintifik pada abad ini.

Bagaimana mungkin manusia mampu menceritakan proses kelahiran manusia secara terperinci 1,400 tahun dulu?

Sudah tentu fakta ini cukup untuk membuktikan al-Quran adalah wahyu daripada Allah kepada manusia, bukan hasil karangan Rasulullah SAW seperti dituduh orientalis Barat.

Kisah penemuan sungai di dalam laut oleh Mr Cousteau serta fenomena Halocline (dua laut yang tidak bercampur) antara keajaiban yang diceritakan oleh al-Quran yang

diwahyukan 1,400 tahun dulu.

Al-Quran adalah mukjizat Rasulullah SAW yang paling besar dan berharga buat kita sebagai umat Islam. Kitab yang dijanjikan keselamatan dan mendapat perlindungan daripada Allah SWT.

Membacanya menjadikan hati kita lebih tenang serta melayakkan kita untuk mendapat ganjaran pahala berganda. Kita digalakkan untuk membaca dan melakukan taddabur al-Quran dengan lebih gigih. Semoga Ramadan kali ini memberikan kefahaman yang mendalam terhadap al-Quran.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM